

Rakyat perlu buka mata
Utusan Online
17 April, 2013

BERA 16 April - Pengundi di kawasan Parlimen Bera perlu membuat pilihan bijak semasa mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti demi masa depan agama, bangsa dan negara.

Ketua UMNO Bahagian Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, rakyat perlu membuka mata dan minda tentang janji pembangkang sedangkan negeri yang ditadbir gagal menunaikan manifesto yang dibuat sejak lima tahun lalu.

Beliau berharap pengundi di daerah ini tidak tersalah pilih dan mengundi pemimpin yang boleh membawa kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat.

"Pengundi perlu bijak membuat perbandingan manifesto pakatan pembangkang dan Barisan Nasional (BN) kerana manifesto BN bersifat realistik dan mampu membela kehidupan rakyat.

"Memang manifesto pembangkang kelihatan cukup menarik kerana segalanya percuma dan murah tetapi bagaimana mereka mahu mendapat peruntukan serta perbelanjaan apabila hasil atau sumber pendapatan negara menyusut setiap tahun untuk menunaikan janji tersebut," katanya ketika berucap dalam Program "Moh Ngeteh" UMNO Bahagian Bera di Felda Sebertak, di sini semalam.

Menurut beliau, manifesto pembangkang bukan janji tetapi sekadar janji manis mendapat undi rakyat untuk berkuasa.

Berbanding BN, jelasnya, manifesto yang bersifat aku janji itu bukan janji kosong tetapi janji yang akan ditunaikan.

Dalam perkembangan lain, beliau meminta para pengundi di tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen Bera menolak sikap ekstremis pembangkang bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara.

Beliau turut mengingatkan anggota dan jentera parti komponen BN bertugas mengikut peraturan ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Kita jangan emosi dan ikut rentak pembangkang, sebarang provokasi perlu dielakkan kerana sebagai anggota dan jentera sudah dilatih dengan pelbagai latihan. Saya berharap semua pihak perlu menjaga kepentingan dan nama baik UMNO dan BN," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130417/px_63/Rakyat-perlu-buka-mata#ixzz2ZuinPGws